

MODUL CEMERLANG UPSR

**BAHASA MELAYU
PENULISAN**

Bahagian A
[Masa dicadangkan :15 minit]
[10 markah]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah ini.



1.
.....
2.
.....
3.
.....
4.
.....
5.
.....

Bahagian B

[Masa dicadangkan: 40 minit]
(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Kamu pernah menyertai kegiatan gotong-royong membersihkan kawasan sekolah.
Tulis faedah-faedah yang kamu peroleh setelah kamu menyertai aktiviti tersebut.

ATAU

- 2 Sebagai wakil murid, kamu dikehendaki menyampaikan ucapan dalam majlis meraikan kejayaan rakan kamu dalam suatu pertandingan.
Tulis ucapan kamu selengkapnya.

ATAU

- 3 Cuti persekolahan akan bermula pada minggu hadapan. Pelbagai aktiviti yang menarik boleh kamu lakukan pada cuti persekolahan itu.
Tulis sebuah karangan tentang aktiviti-aktiviti yang akan kamu rancangkan itu.

Bahagian C

[Masa yang dicadangkan: 20 minit]
(20 markah)

Tulis lima pengajaran yang dapat anda perolehi daripada petikan di bawah ini. Panjangnya jawapan anda mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Tulis jawapan anda dalam satu perenggan.

Pada suatu hari, Ali dalam perjalanan pulang dari sekolah. Kali ini Ali pulang menggunakan jalan pintas yang jarang dilaluinya. Tiba-tiba dia ternampak suatu objek hitam dalam semak di tepi jalan. Ali mendekati objek hitam tersebut. Ali menarik keluar objek hitam itu. Rupa-rupanya objek hitam itu merupakan sebuah beg hitam yang besar dan berat. Lalu, Ali membuka zip beg hitam itu dengan berhati-hati. Ali tergamam apabila melihat wang kertas yang memenuhi beg itu. Ali tidak tahu apakah tindakan yang harus diambil olehnya.

Ali mengambil keputusan untuk menghantarkannya kepada pihak polis. Ali menyerahkan beg hitam berserta wang tersebut kepada pihak polis. Beberapa hari kemudian, Ali telah dibawa berjumpa dengan seorang pengurus bank. Rupa-rupanya, dua minggu yang lalu telah berlaku satu rompakan di sebuah bank. Wang di dalam beg hitam itu adalah wang yang dirompak oleh perompak-perompak itu. Menurut polis, kemungkinan besar perompak-perompak itu terlalu cemas sehinggakan salah satu beg tercicir ke dalam semak-samun, tanpa disedari oleh mereka. Pengurus bank itu mengucapkan terima kasih kepada Ali dan memberi ganjaran kepadanya. Ali menolak tawaran tersebut kerana Ali bukan mahukan ganjaran tersebut.